

Pasaran kerjaya berdaya saing peringkat global

SERDANG: Persaingan pasaran kerjaya pada masa kini bukan saja dalam negara tetapi terbuka di arena globalisasi, sekali gus menjadikannya lebih mencabar dan berdaya saing.

Pro Canselor Universiti Putra Malaysia (UPM), Tan Sri Datuk Dr Nayan Ariffin, berkata nilai kebolehpasaran graduan perlu ditingkatkan dari semasa ke semasa untuk menyediakan modal insan yang boleh bersaing pada peringkat antarabangsa.

Katanya, pelbagai usaha dilaksanakan universiti itu bagi merealisasikan hasrat berkenaan, termasuk memantapkan kurikulum pengajian dan kegiatan kokurikulum.

"Kecemerlangan graduan dalam akademik mestilah

turut ditambah dengan nilai kemahiran insaniah bagi melahirkan modal insan kelas pertama yang seimbang."

"Dalam konteks ini, saya berpendapat universiti perlu mendampingi masyarakat supaya kekayaan ilmiah dan penyelidikan dapat dikongsi bersama masyarakat," katanya ketika berucap pada sidang kelima Majlis Konvokesyen Ke-32 UPM, di sini, semalam.

Beliau berkata, sebagai contoh, dalam isu pemanasan global dan kesan kenaikan harga minyak, universiti perlu segera mencari penyelesaian untuk membawa masyarakat keluar daripada belenggu terbabit.

Nayan berkata, kajian terhadap penghasilan biofuel dan biodiesel misalnya perlu dipertingkat dan diberikan perhatian serius kerana ia berpotensi meringankan beban masyarakat dan menyediakan sumber tenaga alternatif kepada negara.

Selain itu, beliau turut mengingatkan graduan supaya menjadi Alumni UPM dengan perasaan bangga dan memberi sokongan berterusan bagi memastikan kelestarian sumbangan generasi alumni sebelum mereka.

Saya berharap Alumni UPM akan mencontohi budaya alumni institusi pengajian yang terbilang di dunia seperti Harvard University yang menghasilkan satu dana melebihi US\$30 billion," katanya.

Konvokesyen sesi kelima menyaksikan seramai 784 graduan menerima ijazah masing-masing daripada jumlah keseluruhan 7,846 graduan tahun ini.

FAKTA NOMBOR

**US\$30
billion**

Dana yang dihasilkan oleh Harvard University

5

sesi

Konvokesyen diadakan di UPM

**784
graduan**

Menerima ijazah

**7,846
graduan**

Keseluruhan pada 2008